

**D.R. 13/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.

2. Akta Perubatan 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 34A dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 34A. Akta 50.

"Pemeriksaan dan perawatan pesakit oleh penuntut perubatan. 34A. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini, adalah sah bagi mana-mana orang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan di—

*Akta 30*

(a) mana-mana Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; atau

(b) mana-mana institusi pendidikan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga,

untuk menjalankan, semasa mengikuti kursus pengajian itu, apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan pesakit dalam mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud seksyen ini

melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dengan syarat bahawa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan semasa dan sah.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), tiada institusi pendidikan boleh dinyatakan dalam Jadual Ketiga melainkan jika—

*Akta 43/61.*

(a) ia adalah suatu institusi pendidikan yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1961 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran suatu institusi pendidikan; dan

(b) ia bergabung dengan mana-mana institusi yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua bagi maksud memberikan kepada penuntut institusi pendidikan itu kelayakan yang dinyatakan yang terdapat bersempena dengan institusi itu.

(3) Mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan atau institusi lain yang diuruskan dan dikendalikan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) tidaklah bertanggung bagi apa-apa kecederaan, kerugian atau kerosakan daripada jenis sivil yang berlaku kepada mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata akibat daripada apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan pesakit di bawah subseksyen (1) oleh seseorang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan yang dinyatakan di bawah perenggan (1)(a) atau (b); dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh ditafsirkan sebagai memberi kepada orang itu atau kepada Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pendidikan yang dia mengikuti kursus pengajian itu atau kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti atau institusi

pendidikan itu apa-apa imuniti daripada apa-apa liabiliti bagi apa-apa kecederaan, kerugian atau kerosakan.

(4) Menteri boleh meminda Jadual Ketiga melalui pembentahan dalam *Warta* ".

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Jadual yang berikut:

Jadual  
Ketiga  
baru.

#### JADUAL KETIGA

(Subseksyen 34A(1.))

#### SENARAI INSTITUSI PENDIDIKAN

International Medical College

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perubatan 1971 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan menggantikan seksyen 34A Akta. Seksyen 34A baru itu pada asasnya mengandungi subseksyen 34A(1) dan (2) yang sedia ada dalam Akta dengan beberapa ubahsuaian, Subseksyen 34A(1) baru bertujuan menambahkan bilangan penuntut perubatan, selain daripada mereka yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan di mana-mana Universiti atau Kolej 'Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dengan memasukkan juga mana-mana orang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan di mana-mana institusi pendidikan yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1961 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran suatu institusi pendidikan dan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga Akta, Semasa mengikuti kursus pengajian itu, adalah sah bagi seseorang untuk menjalankan apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan pesakit dalam mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan atau institusi lain yang diluluskan oleh Menteri dengan syarat bahawa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan itu dijalankan oleh orang itu di bawah kawalan dan penyeliaan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh.

Subseksyen 34A(2) menyatakan kehendak suatu institusi pendidikan sebelum ia boleh disenaraikan dalam Jadual Ketiga.

Melalui subseksyen 34A(3), mana-mana hospital, klinik, pusat kesihatan atau institusi lain yang diuruskan dan dikendalikan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kecederaan, kerugian atau kerosakan daripada jenis sivil yang berlaku keada mana-mana pesakit akibat daripada apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan pesakit oleh seseorang yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan yang dinyatakan di bawah perenggan 1(a) atau (b). Juga, subseksyen itu tidak memberikan kepada orang atau kepada Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pendidikan itu atau kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pendidikan itu apa-apa imuniti daripada apa-apa liabiliti bagi apa-apa kecederaan, kerugian atau kerosakan

*Fasal 2* juga bertujuan memasukkan subseksyen 34A(4) baru untuk membolehkan Menteri meminda Jadual Ketiga.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (PU<sup>2</sup>) 1865.]